

# Ahli Umno diseru teguh kepada Islam

**JOHOR BAHRU, Sabtu** -- Pelampau-pelampau agama yang cuba memecah-belahkan orang-orang Melayu dapat dibendung sekiranya orang-orang Melayu sendiri berani menghadapi cabaran ini, kata Datuk Musa Hitam.

Timbalan Perdana Menteri berkata, masalah itu boleh diatasi asalkan ahli-ahli Umno berpegang teguh kepada ajaran agama Islam dan Umno akan kekal sebagai parti politik yang utama.

"Cabaran ini adalah cabaran baru yang belum pernah Umno hadapi sebelum ini," katanya di majlis perjumpaan hari raya anjuran Umno Bahagian Pulai di Tampoi malam semalam.

Menurut beliau, kalau dulu orang-orang Melayu yang telah berjuang melalui Umno, dapat menghadapi cabaran komunis kerana bersatu padu, maka semangat perpaduan itu perlulah dikekalkan.

"Kini kita menghadapi pelampau-pelampau

agama yang berani mengkafirkan orang-orang Melayu sendiri dan juga mengancam ahli-ahli Umno sebagai orang yang bertentangan dengan ajaran Islam, sedang ajaran Islam begitu tertib menganuti muhib-

bah."

"Pelampau-pelampau ini menggunakan unsur-unsur agama sehingga setengah orang malu atau takut untuk berhadapan dengan mereka sebab khuatir dicap sebagai anti-Islam," ujarnya.

Semangat perpaduan, tegas beliau, perlu ditunjukkan oleh ahli-ahli Umno supaya dapat wujud atas sokongan dan kemahuan rakyat.

Dalam menghadapi cabaran ini, Datuk Musa berkata, adalah menjadi

tanggungjawab pucuk pimpinan untuk mengingatkan ahli-ahli Umno sekalian.

Datuk Musa juga mengingatkan ahli-ahli Umno supaya menerima kenyataan bahawa Malaysia kini menghadapi

kemelesetan ekonomi. Jika ahli-ahli politik tidak menerima realiti ini, beliau bimbang semangat perjuangan di kalangan ahli Umno peringkat cawangan dan bahagian akan menjadi lemah.



● Datuk Musa di perjumpaan Hari Raya Umno Bahagian Pulai, Tampoi.